# PENGENALAN PERAKAUNAN ASET



# Kandungan

1. Pengurusan Aset Kerajaan
2. Pengenalan Aset
3. Kategori Aset
4. Aset Bukan Semasa
5. Aset Semasa
5. Pelaporan Aset Di Penyata Kewangan





# Objektif Pembelajaran

**Memberikan penjelasan kepada peserta tentang:**

- **Å definisi & komponen Aset**
- **Å Perakaunan Akruan**
- **Å Pelaporan dalam Penyata Kewangan**

# PENGURUSAN ASET KERAJAAN KETIKA INI

Sistem Pengurusan Aset(SPA)

**( Pekeliling Perbendaharaan Bil. 5/2007- Pengurusan Aset Alih)**




Sistem Pengurusan Aset Tak Alih(MySPATA)-

**(Pekeliling Am Bil. 2/2012-Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih Kerajaan)**



# PENGENALAN ASET



# APA ITU ASET?

**Ciri Umum Aset**

- Penjana hasil (digunakan dalam pengeluaran atau bekalan barangan atau perkhidmatan)
- Memberikan faedah ekonomi masa depan
- Boleh dilihat, dipegang atau setara dengan gantiannya
- dijangka akan digunakan pada lebih daripada satu tempoh pelaporan perakaunan.
- Tunai dan boleh ditukar kepada tunai
- Hak milik mutlak organisasi

# Difinisi Aset (GAAP)

- **Aset mewakili manfaat ekonomi masa hadapan**
  *(assets represent future economic benefit)*
- **Faedah masa hadapan yang berkemungkinan**
  *(future benefits should be probable)*
- **Transaksi terdahulu yang memberi faedah masa hadapan**
  *(past transactions created future benefits)*
- **Faedah masa hadapan yang dikawal oleh entiti**
  *(Future benefits are controlled by an entity)*

# KATEGORI ASET (PERAKAUNAN AKRUAN)

# KOMPONEN ASET (PERAKAUNAN AKRUAN)



# ASET BUKAN SEMASA



# ASET BUKAN SEMASA

**ASET KETARA**

- Aset yang diguna secara berterusan.
- Digunakan untuk mengeluarkan barang atau memberi perkhidmatan.
- Bukan untuk dijual semula.
- Jangka hayat/tempoh penggunaan lebih dari setahun.

**Aset Alih & Aset Tak Alih**

**ASET TIDAK KETARA**

- Sumber dan hak bukan fizikal yang memiliki nilai kepada entiti kerana ia memberikan organisasi tersebut kelebihan dalam pasaran.
- Contoh :*nama baik ("goodwill), hakcipta, tanda dagang, paten dan perisian komputer,Jenama*





# ASET BUKAN SEMASA

**CIRI 1**
Kecairan Dan penggunaan melebihi Tempoh 1 tahun

**CIRI 2**
Pemerolehan Aset Tetap untuk digunakan dalam operasi

**CIRI 3**
Pelaburan Instrumen Kewangan Jangka Panjang

**CIRI 4**
Pelaburan Dalam Aset Tak Alih

**CIRI 5**
Penjenamaan yang meningkatkan nilai entiti.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| **CONTOH:** ABT Jangka Panjang | **CONTOH:** *Hartanah Loji Dan Peralatan* | **CONTOH:** *Pelaburan* | **CONTOH:** *Tanah & Bangunan* | **CONTOH:** *Godwill & Hakcipta* |

**ASET KETARA** (CIRI 1 – CIRI 4)

**ASET TAK KETARA** (CIRI 5)

# KRITERIA ASET BUKAN SEMASA (MPSAS 1)

- Aset dikelaskan sebagai **BUKAN SEMASA** apabila ia memenuhi kriteria berikut:

a) Pemerolehan aset **bukan bertujuan untuk dijual semula**.

b) Pemerolehan aset bertujuan **sebagai alat kegunaan operasi** yang dipegang dan organisasi menerima manfaat outputnya;

c) Ia dijangka akan direalisasikan dalam **tempoh lebih daripada dua belas bulan (1 tahun)** selepas tarikh pelaporan;

d) Standard ini juga menerangkan aset bukan semasa adalah aset yang **diperolehi untuk tujuan jangka panjang** termasuk

- Aset Ketara
- Aset Tidak Ketara
- Instrumen Kewangan Jangka Panjang



# ASET BUKAN SEMASA:
# Aset Alih &Aset Tak Alih

## HARTANAH LOJI DAN PERALATAN (HLP)

# KANDUNGAN

1. Objektif/Pengenalan Umum Aset
2. Definisi HLP MPSAS 17
3. Perakaunan HLP
4. Hartanah, Loji Dan Peralatan (HLP)
   4.1 Pengiktirafan HLP
   4.2 Penentuan Nilai di bawa
   4.3 Kaedah Susutnilai
   4.4 Rosot Nilai
   4.5 Penambahan Nilai Aset
   4.6 Pelupusan
5. Persembahan Aset Dalam Penyata Kewangan

# Objektif

Memahami Catatan Perekodan Aset Dan Mengetahui Kaedah Susut Nilai Yang Digunapakai

Menjelaskan Definisi Aset Dan Memahami Pengkelasan Aset Seperti Yang Dilaporkan dalam Penyata Kewangan (MPSAS 1)




Mengetahui Kaedah Pelupusan Dan Tatacara Perekodan Pelupusan

Mengetahui Secara Umum Berhubung Rosotnilai Aset

Memahami Persembahan Aset Di Dalam Penyata Kewangan

# HARTANAH,LOJI DAN PERALATAN (HLP) (MPSAS 17)

# DEFINISI(MPSAS 17)

**Hartanah, loji dan peralatan adalah aset nyata yang:**

a) Dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran atau bekalan barangan atau perkhidmatan, sewa kepada orang lain, atau untuk tujuan pentadbiran

b) Dijangka akan digunakan pada lebih daripada satu tempoh pelaporan.

# PERAKAUNAN HLP

Å Dalam memperakaunkan hartanah, loji dan peralatan terdapat enam PROSES utama (komponen) iaitu:

a) pengiktirafan aset;
b) penentuan nilai dibawa;
c) susutnilai;
d) kerugian kemerosotan/ penjejasan (impairment) nilai diiktiraf berhubung dengan item berkenaan.
e) Penambahan Nilai Aset
f) Pelupusan

# PRINSIP "RED CASE DIM"

1. **Re**cognition (Pengiktirafan HLP)

2. **C**arrying **A**mount (Nilai Dibawa)

3. **D**epreciation (susut Nilai)

4. **Im**pairment (rosotnilai)

5. **S**ubsequent **E**vent (Penambahan Nilai aset)

6. **D**isposal (Pelupusan)




**RED CASE DIM** - adalah akronim yang memudahkan mengingati asas dalam memperakaunkan HLP

# PRINSIP 1 :
# PENGIKTIRAFAN ASET
# *(Recognition)*

# PRINSIP MEMPERAKAUNKAN HLP

## Pengiktirafan Aset (MPSAS 17)

Kos item hartanah, loji dan peralatan dan hendaklah diiktiraf sebagai aset jika :

i. Dipegang untuk kegunaan dalam pengeluaran dan proses membekalkan barang atau perkhidmatan atau penyewaan kepada orang lain atau untuk tujuan pentadbiran

ii. Dijangka akan digunakan dalam tempoh lebih daripada 1 tahun pelaporan

# Contoh:

**Seekor anjing boleh dikategorikan menjadi 3 klasifikasi**




**Diiktiraf Sebagai HLP apabila:**

- Digunakan oleh PDRM sebagai alat untuk operasi atau sesuatu siasatan




***Are held for use in the production or supply of goods or services, for rental to others, for administration and are expected to be used during more than one reporting period***

**Diiktiraf Sebagai Inventori apabila:**

- Diternak oleh Jabatan Veterinar yang bertujuan untuk dijual semula

**Diiktiraf Sebagai perbelanjaan atau inventori pertanian apabila:**

- Anjing berkenaan dijadikan bahan ujikaji atau R&D atau yang seumpama dengannya.

# PRINSIP MEMPERAKAUNKAN **HLP**

## Prosedur Pengiktirafan Aset

Perkara asas di dalam menentukan pengiktirafan aset :

i. Mendokumenkan semua perolehan jenis aset yang dipegang oleh entiti (kompilasi daftar aset)

ii. Menilai ketepatan dan kesempurnaan maklumat yang sedia ada;

iii. Menentukan kategori aset yang akan digunakan dalam carta akaun *(chart of account)* dan penyata kewangan;

iv. Mewujudkan arahan pentadbiran yang khusus bagi setiap kategori berdasarkan MPSAS 17 (jika relevan).

# Contoh :
# Hartanah, Loji dan Peralatan

- Tanah
- Bangunan Operasi
- Jalanraya
- Mesin
- Kapal
- Kenderaan
- Perabot
- Peralatan Pejabat
- Jambatan
- Peralatan Pertahanan
- Kapal terbang

# PRINSIP 2 :

# PENENTUAN NILAI

## *(Carrying Amount)*

# PRINSIP MEMPERAKAUNKAN HLP

## Penentuan nilai

Kos item hartanah, loji dan peralatan terdiri daripada:

a) **Harga belian**, termasuk duti import dan cukai pembelian tidak boleh dikembalikan, setelah ditolak diskaun dagangan dan rebet.

b) **Kos langsung** untuk membawa aset kepada lokasi dan keadaan yang perlu untuk ia menjadi mampu beroperasi dalam cara yang dicadangkan oleh pihak pengurusan iaitu:

# PRINSIP MEMPERAKAUNKAN **HLP**

## Penentuan nilai dibawa (Samb.)

i. Kos faedah pekerja yang timbul secara langsung daripada pembinaan atau pengambilalihan item hartanah, loji, peralatan dan;

ii. Kos penyediaan tapak;

iii. Penghantaran awal dan kos pengendalian;

iv. Kos pemasangan dan pencantuman (*assembly*);

v. Kos ujian sama ada aset berfungsi dengan baik;

vi. Yuran profesional.

# Ringkasan /Senarai Semak Nilai dibawa

- Rekod pada harga kos.
- Termasuk semua kos untuk menyediakan aset bukan semasa tersebut supaya boleh beroperasi dan digunakan.
- Contohnya:
  - harga dalam invois
  - cukai & insurans
  - kos angkutan
  - kos pemasangan
  - kos pemeriksaan
- Kos yang tidak meningkatkan keupayaan aset tidak diambilkira sebagai kos belian.
  - Dianggap sebagai belanja biasa
  - Contoh:
    - kos pembaikan kerosakan akibat kecuaian pekerja

# ILUSTRASI :

## PEREKODAN ASET HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

- Contoh Belian Aset Bukan Semasa
- Pada 1 Jan 2013, Hospital Putrajaya membeli sebuah mesin pencetak X-Ray berharga RM15,000.00.

| CATATAN BERGU 1 (Semasa Invois diterima) | | |
|---|---|---|
| | Debit | Kredit |
| Hartanah Loji Dan Peralatan | RM15,000 | |
| Akaun Belum Bayar (ABB) | | RM15,000 |
| (Catatan ini direkod setelah HLP diiktiraf) | | |

| CATATAN BERGU 1 (Semasa Bayaran Dibuat) | | |
|---|---|---|
| | Debit | Kredit |
| Akaun Belum Bayar (ABB) | RM15,000 | |
| Bank/Tunai | | RM15,000 |
| (Catatan ini untuk membuat bayaran kepada pembekal) | | |

# ILUSTRASI : PENENTUAN KOS PEROLEHAN HLP

- Pihak MAMPU membuat perolehan sebuah server utama pada 1 Julai 2012 (tarikh penghantaran). Kos yang terlibat adalah seperti berikut:
  - Kos berkaitan perundingan dalam membantu MAMPU menentukan jenis dan tahap prestasi server Utama: RM 4,000
  - Harga pembelian: RM50,000
  - Duti import: RM2,000
  - Perbelanjaan Pengangkutan: RM3,000
  - Perbelanjaan Pemasangan RM4,000
  - Perbelanjaan Pengujian (*Man Hour*): RM1,000

# ILUSTRASI :
# PENENTUAN KOS BELIAN HLP

Kos Pemerolehan = RM60,000 (50,000 + 2,000 + 3,000 + 4,000+ 1,000)

Kos Perundingan adalah tidak termasuk dalam Kos pemerolehan server utama kerana ia tidak dikaitkan secara langsung kepada sistem yang telah dibeli

| CATATAN BERGU 1 (Semasa Invois diterima) | | |
|---|---|---|
| | Debit | Kredit |
| Hartanah Loji Dan Peralatan | RM60,000 | |
| Akaun Belum Bayar (ABB) | | RM60,000 |
| (Catatan ini direkod setelah HLP diiktiraf) | | |

| CATATAN BERGU 1 (Semasa Bayaran Dibuat) | | |
|---|---|---|
| | Debit | Kredit |
| Akaun Belum Bayar (ABB) | RM60,000 | |
| Bank/Tunai | | RM60,000 |
| (Catatan ini untuk membuat bayaran kepada pembekal) | | |

# PRINSIP 3 :
# SUSUT NILAI
# *(Depreciation)*

# PRINSIP MEMPERAKAUNKAN HLP

## **SUSUTNILAI** HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

- **Definisi**
  - **pengurangan nilai aset bukan semasa pada setiap tahun sepanjang tempoh usia guna.**
- **Sebab-sebab susut nilai:**
  - **Faktor fizikal (lusuh)**
  - **Faktor keusangan – perubahan teknologi**
- **Kaedah pengiraan susut nilai:**
  - **Kaedah garis lurus (Straight line)**
  - **Kaedah baki berkurangan (Reducing balance)**
  - **Kaedah penilaian semula (Revalue)**

# PRINSIP MEMPERAKAUNKAN HLP

## KAEDAH GARIS LURUS – TEMPOH DAPAT DITENTUKAN

- jumlah susut nilai bagi setiap tahun adalah sama sepanjang tempoh hayat aset bukan semasa tersebut.
- jika tempoh hayat aset bukan semasa dapat ditentukan, kos aset itu dibahagikan sama rata sepanjang tempoh hayatnya.
- formula sekiranya tempoh hayat dapat ditentukan:

$$\text{Susut nilai tahunan} = \frac{\text{Kos Asal} - \text{*Nilai Skrap}}{\text{Bilangan tahun Penggunaan aset}}$$

*Nilai Skrap: Nilai baki atau nilai aset yang dijual setelah tamat tempoh usia penggunaannya.

# CONTOH 1

**Jabatan Pendaftaran Negara membeli sebuah mesin dengan harga RM38,600 dan mesin itu dianggarkan dapat digunakan selama 8 tahun. Pada akhir tahun yang kelapan, mesin itu dijangka dapat dijual sebagai besi buruk dengan harga RM 600. (Nilai skrapnya ialah RM 600)**

**Susut nilai tahunan** = **(RM 38,600.00 − RM 600.00) / 8 tahun**

= **RM4,750.00 setahun**

# KAEDAH GARIS LURUS – TEMPOH TIDAK DAPAT DITENTUKAN

- **Formula sekiranya tempoh hayat aset tidak dapat ditentukan, susut nilai tahunan dapat dihitung dengan formula yang berikut:**

**Susut nilai tahunan** = **% susut nilai aset bukan semasa** × **Kos asal aset**

# CONTOH 2

**Kos belian perabot oleh PPPA ialah RM 25,000.00. Perabot itu disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun daripada kos asalnya.**

**Susut nilai tahunan** = **10% ✖ RM 25,000.00**

= **RM 2,500.00 setahun**

# ILUSTRASI : SUSUT NILAI HLP

Pada 1 Januari, KeTTHA MEMBELI peralatan bernilai RM27,500 secara tunai. Peralatan tersebut mempunyai anggaran hayat berguna 5 tahun dan anggaran nilai sisa sebanyak RM 2,500.

**Berapakah belanja susutnilai tahunan menggunakan kaedah garis lurus?**



## ILUSTRASI 1 :
## PERAKAUNAN SUSUT NILAI HLP (samb.)



| | | |
|---|---|---|
| **Kos Aset** *(Asset cost)* | | **RM 27,500** |
| **Tolak Nilai Sisa** *(Less: salvage value)* | | **(2,500)** |
| **Asas Susut nilai** *(Basis for depreciation)* | | **25,000** |
| **Usia Guna** *(Useful life)* | **÷** | **5** |
| **Susut Nilai Tahunan** *(Annual depreciation)* | | **RM 5,000** |

# ILUSTRASI 1 :
# SUSUT NILAI ASET BUKAN SEMASA (samb.)

| Tempoh | Belanja Susut Nilai | Susut Nilai Terkumpul | Nilai Buku |
|---|---|---|---|
| 1 | RM 5,000 | RM 5,000 | RM 22,500 |
| 2 | 5,000 | 10,000 | 17,500 |
| 3 | 5,000 | 15,000 | 12,500 |
| 4 | 5,000 | 20,000 | 7,500 |
| 5 | 5,000 | 25,000 | 2,500 |
| | 25,000 | | |

**Jadual susut Nilai** *(Depreciation Schedule)*

## HUBUNGAN DI ANTARA NILAI KOS, NILAI BUKU, PERUNTUKAN SUSUT NILAI & NILAI SISA



# Laporan HLP Pada Nilai Kos Ditolak Dengan Susut Nilai Terkumpul *(Report assets at cost less accumulated depreciation)*

**Contoh Pelaporan**
**Sebahagian Daripada Penyata Kedudukan Kewangan**
**31 Disember 2012**

| | | |
|---|---|---|
| **Hartanah, Loji Dan Peralatan** | | |
| Tanah | | RM 30,000 |
| Bangunan | RM 75,000 | |
| Tolak: Susutnilai Terkumpul | (45,000) | 30,000 |
| Peralatan | 19,000 | |
| Tolak : Susutnilai Terkumpul | (1,500) | 17,500 |
| **Jumlah Hartanah, Loji Dan Peralatan** | | RM 77,500 |

## ILUSTRASI : PEREKODAN HLP

- MAMPU memperoleh sebuah server utama pada 1 Julai 2012 (tarikh penghantaran). Kos yang terlibat adalah seperti berikut:
  - Kos berkaitan perundingan dalam membantu MAMPU menentukan jenis dan tahap prestasi server Utama: RM 4,000
  - Harga pembelian: RM50,000
  - Duti import: RM2,000
  - Perbelanjaan Pengangkutan: RM3,000
  - Perbelanjaan Pemasangan RM5,000
- Anggaran hayat/Usia berguna pada mulanya adalah selama 5 tahun

# ILUSTRASI : PEREKODAN HLP

Kos Perolehan = RM60,000 (50,000 + 2,000 + 3,000 + 5,000)

Kos Perundingan adalah tidak termasuk dalam Kos pemerolehan server utama kerana ianya tidak dikaitkan secara langsung kepada sistem yang telah dibeli

Belanja Susut Nilai Bulanan: RM 1,000 (= 60,000 / 60)

Perbelanjaan Susut Nilai: N:

RM 6,000 (= 1,000 * 6) - N+1: RM 12,000 (= 1,000 * 12)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

| | 2012 | 2013 |
|---|---|---|
| **Belanja Susut Nilai** | 6,000 | 12,000 |

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

| | 2012 | 2013 |
|---|---|---|
| **Amaun Kos Dibawa** | 60,000 | 60,000 |
| **Susut Nilai Terkumpul** | (6,000) | (18,000) |
| **Nilai Buku dibawa** | 54,000 | 42,000 |

# PRINSIP 4 :

# PENGUKURAN ROSOT NILAI

# *(Impairment)*

# PENGUKURAN (Subsequent Measurement)
# ROSOT NILAI (Impairment)

- Rosotan nilai adalah satu kehilangan dalam manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan aset, ke atas pengiktirafan secara sistematik yang menyebabkan kehilangan nilai faedah ekonomi aset dimasa depan atau potensi perkhidmatan melalui susutnilai
- Piawaian semasa yang menangani isu rosot nilai aset adalah
  - IPSAS 21 – Impairment of Non-cash-generating Assets (Rosot Nilai Bukan Tunai – Penjanaan Aset)
  - IPSAS 26 – Impairment of Cash-generating Assets (Rosot Nilai Tunai-Penjanaan Aset)
- Ianya adalah piawaian yang mengiktiraf isu-isu khusus sektor awam dan menangani kemerosotan aset penjanaan bukan tunai, iaitu aset yang tidak dipegang untuk menjana kadar pulangan komersial

# PENGUKURAN (Subsequent Measurement)
# ROSOT NILAI (Impairment)

Jika terdapat penunjuk rosotnilai

&

Nilai aset yang dibawa hadapan (carrying value)

>

Nilai perkhidmatan yang boleh diperolehi dari aset tersebut (recoverable service amount)

↓

**UJIAN ROSOT NILAI PERLU DILAKUKAN**

# PENGUKURAN (Subsequent Measurement)
# ROSOT NILAI (Impairment)

**ASET PERLU DI ROSOT NILAI JIKA ADA PENUNJUK BERIKUT**

**PENUNJUK DARI SUMBER-SUMBER MAKLUMAT LUARAN**

**PENUNJUK DARI SUMBER-SUMBER MAKLUMAT DALAMAN**

# PETUNJUK ROSOT NILAI

(Indicators of impairment)

## Sumber-sumber maklumat Luaran:

- Pemberhentian permintaan atau keperluan bagi perkhidmatan yang disediakan oleh aset
- Perubahan jangka panjang yang ketara dengan memberi kesan buruk ke atas entiti telah berlaku dalam tempoh tersebut atau akan berlaku dalam masa terdekat, dalam teknologi, perundangan atau suasana persekitaran polisi kerajaan.

# PETUNJUK ROSOT NILAI

(Indicators of impairment)

## Sumber-sumber maklumat dalaman:

- Kerosakan fizikal aset
- Perubahan ketara dengan memberi kesan buruk ke atas organisasi dalam masa jangka panjang atau dijangka berlaku dalam masa terdekat, setakat mana, atau cara di mana, aset digunakan atau dijangka akan digunakan
- Sesuatu keputusan untuk menghentikan pembinaan aset tersebut sebelum ia lengkap atau didalam keadaan yang boleh digunakan
- Bukti daripada laporan dalaman yang menunjukkan bahawa prestasi perkhidmatan sesuatu aset adalah / akan menjadi lebih teruk daripada jangkaan

# PRINSIP 5 :

# PERISTIWA LANJUTAN
# *(Subsequent Event)*

# PERBELANJAAN TAMBAHAN ATAS HLP

***(Subsequent Expenditures on Assets)***

Perbelanjaan Tambahan keatas aset boleh merujuk kepada dua perkara :

1. Penyenggaraan Aset – Perbelanjaan
2. Tambahan Aset- Penambahan Nilai

# PERBELANJAAN TAMBAHAN ATAS HLP

## *(Subsequent Expenditures on Assets)*

**Meningkatkan Kualiti Output atau kegunaan aset berkenaan?**
**(Increases quality of services Of the asset.)**

↓

**Debit Akaun Aset**
***(Debit asset account)***

**Berkaitan Penambahbaikkan atau Naiktaraf.**
***(contoh: tambahan ruang di bangunan wad hospital)***

# PERBELANJAAN TAMBAHAN ATAS HLP

***(Subsequent Expenditures on Assets)***

**Berkaitan dengan selenggaraan yang luarbiasa. (contoh: Ganti enjin bagi kenderaan penghantaran)**

**Memanjangkan tempoh selenggaraan dari jangkaan asal**

↓

**Debit Belanja Susutnilai**

# PRINSIP 6 :

# PELUPUSAN HLP

# *(Disposal)*

# PELUPUSAN HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

- Kaedah pelupusan
  - Aset dijual/dibuang sebagai tiada nilai pada akhir usia
  - Aset dijual sebelum sampai akhir usiaguna
  - Aset lama ditukar ganti dengan aset baru

- **Aset dijual/dibuang sebagai tiada nilai pada akhir usia**
- Jabatan Pendaftaran Negara membeli sebuah mesin dengan harga RM38,600 pada 1 Januari 2000 dan mesin itu dianggarkan dapat digunakan selama 8 tahun. Pada 31 Disember 2012, mesin dibuang tanpa nilai sisa.
- Catatan jurnal

| | | | |
|---|---|---|---|
| Dt | Susut nilai tekumpul | | RM 38,600.00 |
| | Kt Mesin | RM 38,600.00 | |

*tiada untung/rugi diperolehi daripada pelupusan aset ini.

# PELUPUSAN HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

- **Aset dijual sebelum sampai akhir usia guna**
- Perabot dibeli oleh PPPA pada 1 Januari 2008 pada kos RM 25,000.00. Perabot itu disusutnilaikan dengan kadar 10% setahun dan mempunyai usia guna selama 10 tahun.
- Pada 1 Januari 2012, perabot dijual dengan harga RM 20,000.00
- Pengiraan

**Nilai Buku = Kos asal − susutnilai terkumpul**

**Untung/rugi = Nilai Buku − Tunai yang diterima dari jualan aset lama**

**Nilai Buku = RM 25,000.00 − (RM 25,000.00 x 10% x 4 tahun )**

**= RM 15,000.00**

**Untung/rugi = RM 15,000.00 − RM 20,000.00 = RM 5,000.00**

# PELUPUSAN HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

Nilai Buku < Tunai diterima → UNTUNG

Nilai Buku > Tunai diterima → RUGI

# **PELUPUSAN** HARTANAH LOJI DAN PERALATAN

| | |
|---|---|
| Jika aset tidak sama jenis | Untung/rugi perlu diiktiraf |
| Jika aset sama jenis (Nilai saksama aset yang lama sama dengan aset yang baru) | Tiada untung/rugi perlu diiktiraf |
| Nilai saksama aset yang lama tidak sama dengan aset yang baru dan ada elaun tukar niaga | Rugi perlu diiktiraf, untung tidak perlu diiktiraf |

# ASET SEMASA



# ASET SEMASA

**Difinisi : Wujud dalam satu tempoh perakaunan dan boleh ditukar menjadi tunai dalam tempoh setahun**

| CIRI 1 | CIRI 2 | CIRI 3 | CIRI 4 |
|---|---|---|---|
| **Tunai & mudah ditukar menjadi wang tunai (mudah dijual)** | **Untuk dijual atau untuk pembuatan barang** | **Digunakan dalam tempoh satu tahun atau satu tempoh perakaunan.** | **Bayaran yang belum menjadi milikan mutlak organisasi dengan prinsip pengiktirafan.** |
| **CONTOH:** *Tunai & Simpanan Tetap* | **CONTOH:** *Inventori (Stok)* | **CONTOH:** *ABT - Dikutip kurang dari 1 tahun* | **CONTOH:** *Perbelanjaan Terdahulu (Sewa dibayar awal)* |

# KRITERIA ASET SEMASA (MPSAS 1)

- Aset hendaklah dikelaskan sebagai semasa apabila ia menepati mana-mana kriteria berikut:

a) Ia dijangka akan direalisasikan, atau dipegang untuk jualan atau digunakan dalam, kitaran operasi biasa entiti;

b) Ia dipegang terutamanya untuk tujuan didagangkan;

c) Ia dijangka akan direalisasikan dalam tempoh dua belas bulan selepas tarikh pelaporan; atau

d) Ia adalah tunai atau kesetaraan tunai (seperti yang ditakrifkan dalam MPSAS 2), melainkan ia tidak boleh ditukar atau digunakan untuk menyelesaikan liabiliti selama sekurang-kurangnya dua belas bulan selepas tarikh pelaporan.

# INVENTORI
# (MPSAS 12)

# MPSAS 12 Inventori

Meliputi semua Inventori KECUALI:

Å Kerja Dalam Proses dibawah Kontrak Pembinaan- IPSAS11

Å Instrumen Kewangan- IPSAS 15

Å Pertanian dan Produk Perhutanan,galian dan aset hidup

# Ciri-ciri Inventori

**CIRI 1**

**Dipegang dalam bentuk bahan mentah atau bekalan untuk digunakan dalam proses pengeluaran**

**CIRI 2**

**Dipegang dalam bentuk bahan mentah atau bekalan untuk digunakan atau diagihkan dalam proses menjalankan perkhidmatan**

**CIRI 3**

**Dipegang untuk dijual semula atau diagihkan dalam kitaran operasi biasa entiti;**

**CONTOH:**
***Reagent***

**CONTOH:**
***Gas Perubatan***
***Vaksin***

**CONTOH:**
***Ubat***
***Consumables***

# Pengiktirafan Inventori

Semua kos yang terlibat untuk membawa inventori ke lokasi dan keadaan sedia ada

**Termasuk:**
**Harga Belian**
**+ duti import**
**+ kos selenggara utk belian**
**-diskaun**




**Kos-kos lain utk bawa inventori ke lokasi**

**Termasuk:**
**Kos Buruh**
**+Kos Overhed Pengilangan**

# INSTRUMEN KEWANGAN

# (IPSAS 15)

# Apa itu Instrumen Kewangan?

Mana-mana perjanjian atau kontrak yang mengakibatkan wujudnya aset kewangan kepada sesebuah entiti dan liabiliti/ekuiti kewangan di satu pihak yang lain

# Apa itu Instrumen Kewangan?

Contoh: Akaun Subsidiari Kakitangan:

Pinjaman Komputer yang dimohon oleh kakitangan Jabatan NRE

Perjanjian Pinjaman Kakitangan - Komputer



Akaun Subsidiari Kakitangan= Akaun Belum Terima (ABT)

Hutang ke Jabatan NRE= Akaun Belum Bayar (ABB)





# Apa itu Instrumen Kewangan?

Contoh: Wang Pendahuluan Kontraktor (WPK)

Pembekal A telah mendapat kontrak kerja bernilai M1,000,000.

Untuk memula kerja tersebut, pembekal telah memohon WPK sebanyak 25% dari nilai kontrak.

NRE

**WPK untuk Kontrak Kerja**



Pembekal A = Akaun Belum Terima (ABT)

Jabatan NRE = Akaun Belum Bayar (ABB)

# Apa itu Instrumen Kewangan?

Contoh: Pendahuluan Diri

En A telah memohon pendahuluan diri sebanyak RM5,000 untuk lawatan kerja ke luar negara.



# PERSEMBAHAN DALAM PENYATA KEWANGAN

# PERBEZAAN PERAKAUNAN ASET

**Sedia Ada** VS **2015**

| Tunai Ubahsuai | Perakaunan Akruan |
| --- | --- |
| Dikira sebagai belanja (expense off) | Dipermodalkan |
| Tiada susut nilai | Ada susut nilai |
| Dipersembahkan di dalam Penyata Akaun Memorandum (Pinjaman Boleh Tuntut dan Pelaburan sahaja dilaporkan) | Dipersembahkan di dalam Penyata Kewangan |



# PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN "TO BE"

| ASET | | LIABILITI | | EKUITI |
|---|---|---|---|---|
| ASET SEMASA | − | LIABILITI JANGKA PENDEK | = | LEBIHAN / DEFISIT |
| ASET BUKAN SEMASA | | LIABILITI JANGKA PANJANG | | LAIN-LAIN |

| Perakaunan Akruan | Komponen (Tahun 2015) |
|---|---|
| Aset Semasa | 1. *Tunai dan Setaraan Tunai*<br>2. *Recoverable from taxes and transfers*<br>3. Penghutang /ABT<br>4. Inventori<br>5. Bayaran terdahulu<br>6. Lain-lain aset semasa |
| Aset Bukan Semasa | 1. *Recoverable from taxes and transfers*<br>2. Penghutang<br>3. Pelaburan dalam entiti dikawal<br>4. *Investments in jointly controlled entities*<br>5. Pelaburan dalam syarikat bersekutu<br>6. Lain-lain aset kewangan<br>7. Hartanah, mesin dan peralatan<br>8. Hartanah pelaburan<br>9. Aset tidak ketara<br>10. Lain-lain aset bukan semasa |
| Liabiliti Semasa | 1. Pemiutang di bawah urusniaga pertukaran/ABB<br>2. Cukai dan pemindahan yang belum dibayar<br>3. *Provisions*<br>4. Pinjaman<br>5. Pelan pencen dan ganjaran |
| Liabiliti Bukan Semasa | 1. Pinjaman<br>2. Pelan pencen dan ganjaran |
| Aset Bersih/Ekuiti | 1. Modal yang disumbangkan oleh entiti kerajaan yang lain<br>2. Lebihan/(Defisit) terkumpul<br>3. Rizab<br>4. *Minority interest* |

| ASET | 20X2 | 20X1 |
|---|---|---|
| **Aset Semasa** | **RM'000** | **RM'000** |
| *Tunai dan Setaraan Tunai* | x | x |
| *Recoverable from taxes and transfers* | x | x |
| Penghutang | x | x |
| Inventori | x | x |
| Bayaran terdahulu | x | x |
| Lain-lain aset semasa | x | x |
| **Jumlah Aset Semasa (a)** | **x** | **x** |
| **Aset Bukan Semasa** | | |
| *Recoverable from taxes and transfers* | x | x |
| Penghutang | x | x |
| Pelaburan dalam entiti dikawal | x | x |
| *Investments in jointly controlled entities* | x | x |
| Pelaburan dalam syarikat bersekutu | x | x |
| Lain-lain aset kewangan | x | x |
| Hartanah, mesin dan peralatan | x | x |
| Hartanah pelaburan | x | x |
| Aset tidak ketara | x | x |
| Lain-lain aset bukan semas | x | x |
| **Jumlah Aset Bukan Semasa (b)** | **x** | **x** |
| **Jumlah aset (a) + (b) = (i)** | **x** | **x** |

| LIABILITI | 20X2 | 20X1 |
|---|---|---|
| **Liabiliti Semasa** | **RM'000** | **RM'000** |
| Pemiutang di bawah urusniaga pertukaran | x | x |
| Cukai dan pemindahan yang belum dibayar | x | x |
| *Provisions* | x | x |
| Pinjaman | x | x |
| Pelan pencen dan ganjaran | x | x |
| **Jumlah Liabiliti Semasa (c)** | **x** | **x** |
| **Liabiliti Bukan Semasa** | | |
| Pinjaman | x | x |
| Pelan pencen dan ganjaran | x | x |
| **Jumlah Liabiliti Bukan Semasa (d)** | **x** | **x** |
| **Jumlah liabiliti (c) + (d) = (ii)** | **x** | **x** |
| **Aset bersih (i) - (ii) = (iii)** | **x** | **x** |
| **ASET BERSIH/EKUITI** | | |
| Modal yang disumbangkan oleh entiti kerajaan yang lain | x | x |
| Lebihan/(Defisit) terkumpul | x | x |
| Rizab | x | x |
| *Minority interest* | x | x |
| **Jumlah aset bersih/ekuiti = (iii)** | **x** | **x** |

# KESIMPULAN

Dalam konteks **PERAKAUNAN ASET BUKAN SEMASA - HLP** diperingkat Kerajaan Persekutuan, amalan perakaunan yang bakal dilaksanakan adalah bersamaan dengan kaedah perekodan yang dilakukan oleh entiti perniagaan kerana konsep HLP adalah sama ***kecuali dasar-dasar yang akan digubal*** akan berbeza dari segi

1. **Klasifikasi HLP mengikut KATEGORI terperinci**
2. **Amaun materialiti bagi ITEM HLP**
3. **Keperluan pendedahan maklumat HLP**

# TERIMA KASIH ATAS PERHATIAN ANDA.

**Together we make this happen……**

# Terima Kasih!

www.anm.gov.my